

Pasangan kembar FKKSA terima ijazah

Pasangan kembar Robiatun Ismail dan Adawiyah Ismail, 24, masing-masing dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak mempunyai rahsia dalam menentukan pencapaian cemerlang mereka dalam pelajaran.

Pasangan itu yang tidak pernah berpisah sejak kecil lagi berhasrat dan bercita-cita untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi sama ada di dalam negara atau luar negara.

Pasangan kembar dari Padang Piol Jerantut tersebut adalah anak kelima dan keenam daripada sembilan orang adik-beradik.

Mereka juga merupakan penerima Anugerah Dekan setiap semester sepanjang tempoh pengajian.

Ketika ditanya mengenai rahsia kejayaan beliau, Robiatun memberitahu yang beliau memang meminati bidang kimia sejak di bangku sekolah lagi.

"Ini mendorong saya untuk memberi tumpuan yang sepenuhnya ketika sesi pembelajaran di universiti," ujar beliau yang berjaya meraih Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Kelas Pertama dengan CGPA 3.81.

Manakala kembar beliau, Adawiyah bersetuju dengan pernyataan tersebut sambil menambah kesempatan berada bersama di dalam satu universiti adalah satu peluang yang sangat baik.

"Kami tidak pernah berpisah sejak sekolah hingga ke peringkat universiti. Kami lebih

gemar belajar bersama kerana boleh berkongsi masalah dan pendapat.

"Saya yakin usaha bersungguh-sungguh dan restu ibu bapa adalah penawar paling utama ketika berdepan dengan kesulitan sewaktu di universiti."

"Saya sentiasa mendapatkan nasihat ibu dan ayah, rakan-rakan, pensyarah terutamanya ketika di saat menghadapi peperiksaan akhir dan inilah balasan yang kami peroleh selepas bertungkus-lumus sepanjang empat tahun pengajian di UMP," katanya yang berjaya meraih Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Kelas Kedua Tertinggi dengan CGPA 3.62.